



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh :

Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak,
No 16 & 18, Jalan Meru Impian A1,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Tarikh : 29 April 2024

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia Bertaraf Bumiputera dalam bidang berkaitan seperti di bawah:

NOMBOR SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG
LPHP.PK.SH. 2/2024	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI PANGSAPURI SIMPANG PERDANA, TAIPING, PERAK DARUL RIDZUAN TEMPOH : 1 OGOS 2024 – 31 JULAI 2026 (24 BULAN)	221001 dan 221002
LPHP.PK.SH. 3/2024	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI PANGSAPURI SERI KEPAYANG, IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN TEMPOH : 1 OGOS 2024 – 31 JULAI 2026 (24 BULAN)	221001 dan 221002

2. Bagi tujuan pembelian dokumen sebut harga, kehadiran pemilik syarikat adalah **DIWAJIBKAN** dan kehadiran wakil sahaja adalah tidak dibenarkan. Taklimat berkenaan

dengan sebutharga akan diadakan pada **06 Mei 2024 (Isnin)** di Dewan Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh pada jam **10.00 Pagi**.

3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi di Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak, No 16 & 18, Jalan Meru Impian A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak mulai **06 Mei 2024 (Isnin)** sehingga **13 Mei 2024 (Isnin)** dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang waktu pejabat. Senaskah dokumen sebut harga adalah **RM100.00**. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai Sahaja**.

4. Syarikat yang berminat **DIWAJIBKAN** membawa Sijil Pendaftaran Syarikat, Sijil Kewangan yang masih sah tempoh lakunya serta salinan fotostat (salinan tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan semasa pembelian dokumen sebut harga.

5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri yang ditanda dengan **NOMBOR SEBUT HARGA** pada sudut atas sebelah kiri sampul dan dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak,
No 16 & 18, Jalan Meru Impian A1,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN.**

Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di alamat di atas sebelum tarikh tutup.

6. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **13 Mei 2024 (Isnin)** jam **12.00 tengahari**.

7. Pihak Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana sebut harga yang dikemukakan melalui pos atau dihantar sendiri dengan tangan.



(ZAITENA BINTI WAN NASIR)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak